

6,944 graduan UPM bakal terima ijazah, diploma

KUALA LUMPUR 29 Okt. - Sebanyak 6,944 graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) bakal menerima diploma dan ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen ke-39 yang bermula pada 31 Oktober sehingga 3 November ini.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata, daripada jumlah tersebut, sebanyak 465 penerima merupakan graduan ijazah doktor falsafah (PhD), 1,815 ijazah sarjana, 4,234 ijazah sarjana muda dan 430 merupakan pelajar diploma.

Katanya, UPM berjaya menepati status dan pencapaian cemerlang dalam melonjakkan bidang pertanian negara melalui pelbagai pengiktirafan di peringkat antarabangsa serta penarafan kedudukan dalam bidang Sains Pertanian yang terserlah di peringkat global.

“Reputasi UPM terus gah di persada antarabangsa sebagai peneraju pendidikan pertanian yang terbukti melalui kedudukan 45 terbaik dunia bagi *Best Global Universities for Agricultural Sciences* awal bulan lalu.

“Komitmen dan semangat dan dedikasi komuniti UPM telah diiktiraf

di peringkat antarabangsa. Kami berasa bangga dengan kejayaan ini dalam memartabatkan ilmu bidang tersebut yang telah meletakkan universiti kami sebagai antara terbaik di dunia,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, Mohd. Fauzi berkata, kebolehpasaran graduan UPM adalah tinggi iaitu sebanyak 82.2 peratus iaitu antara yang tertinggi dalam kalangan institusi pengajian awam (IPTA).

Katanya, peratusan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 2014 menunjukkan graduan UPM berjaya memperoleh pekerjaan dalam tempoh tiga bulan selepas konvokesyen.

“Ini membuktikan tekad dan iltizam UPM sentiasa kukuh melahirkan graduan yang berciri global menepati keperluan majikan.

“UPM kini mencipta kecemerlangan dan membawa impak besar kepada landskap pembangunan pertanian negara serta menjadi sumber rujukan dalam meningkatkan kualiti pendidikan dan penyelidikan khususnya dalam bidang pertanian,” katanya.



Kami berasa bangga dengan kejayaan ini dalam memartabatkan ilmu bidang tersebut yang telah meletakkan universiti kami sebagai antara terbaik di dunia.”

DR. MOHD. FAUZI RAMLAN
Naib Canselor UPM